



26 AUG, 2025



Tawaran kurang kos pencahayaan hiasan

Harian Metro, Malaysia

INSENTIF SINARAN MERDEKA Tawaran kurang kos pencahayaan hiasan

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB), menawarkan Insentif Sinaran Merdeka 2025 yang membolehkan pelanggan komersial mengurangkan kos pencahayaan hiasan bangunan sempena sambutan kemerdekaan.

TNB melalui satu kenyataan berkata, program bermula sejak 2000 itu mendapat sambutan menggalakkan dengan 1,027 permohonan direkodkan setakat 15 Ogos lalu.

Kata TNB, angka itu menunjukkan minat berterusan pelanggan komersial untuk menyertai inisiatif ini yang bukan sahaja menjimatkan kos, malah menambah keceriaan suasana sambutan Merdeka.

"Tahun lalu sahaja, TNB menerima sebanyak 1,863 permohonan, mencerminkan minat berterusan pelanggan untuk memeriahkan suasana patriotik di premis masing-masing," katanya.

Bagi tahun ini, TNB turut menambah baik tawaran selaras dengan pensstrukturran tarif elektrik yang bermula 1 Julai lalu, dengan memperkenalkan kadar insentif khusus untuk pelanggan Bukan Domestik Voltan Rendah dan Voltan Sederhana yang menjalankan aktiviti komersial seperti pejabat, kompleks beli-belah, hotel serta stesen minyak.

Insentif berkenaan berlangsung dari 1 Ogos hingga 30 September 2025, dengan kadar 28.91 sen/kWj (Voltan Rendah) dan 13.37 sen/kWj (Voltan Sederhana), iaitu masing-masing 57 peratus dan 45 peratus lebih rendah daripada kadar biasa.

Penjimatan berkenaan akan dipaparkan sekali gus dalam bil Oktober dengan keterangan 'Insentif Sinaran Merdeka'.

Sementara itu, Pengurus Integrated Facility Lapaport Mall, Mohd Fizan Mat Nor yang menjadi antara peserta program berkata pihaknya amat menghargai inisiatif terbabit.

"Usaha menggalakkan pencahayaan hiasan bangunan serta kawasan sekitar mewujudkan suasana meriah dan semangat patriotik sepanjang musim Merdeka," katanya.

Sokongan sama turut dizahirkan Timbalan Pengurus Besar Sungai Wang Plaza, Abdul Hadi Ali yang menyifatkan inisiatif berkenaan membantu menzahirkan rasa cinta negara.

"Sebagai pusat membeli-belah di tengah Kuala Lumpur, kami berbangga menyertai Program Sinaran Merdeka kerana ia menzahirkan rasa cinta terhadap negara di samping memenuhi tanggungjawab sosial korporat," katanya.



ANTARA bangunan yang disinari cahaya sempena sambutan Bulan Kemerdekaan.